

PROSES KESAHAN ISI KANDUNGAN MODUL RAWATAN TERAPI RINGKAS BERFOKUSKAN PENYELESAIAN (SFBT) DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI, STRATEGI DAYA TINDAK DAN KECERDASAN SPIRITUAL UNTUK INDIVIDU YANG TELAH BERKAHWIN

*Norlizah Matshah¹, Noor Azniza Ishak² & Siti Rozaina Kamsani³

¹Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

²Sekolah Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Polisi, Universiti Utara
Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

³Sekolah Psikologi Gunaan. Kerja Sosial dan Polisi, Universiti Utara
Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

**Corresponding email:* norlizah@ums.edu.my

Received date: 12 November 2024; *Accepted date:* 29 Mac 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/sapj.v13i1.6351>

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang proses kesahan isi kandungan Modul Rawatan Terapi Ringkas Berfokuskan Penyelesaian (SFBT) bagi meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak, dan kecerdasan spiritual bagi individu yang telah berkahwin. Pembinaan modul rawatan ini adalah berpanduan kepada Model Sidek yang telah menetapkan dua fasa utama iaitu (i) penyediaan draf modul dan (ii) pengendalian kajian rintis, proses kesahan dan kebolehpercayaan, serta proses penilaian keberkesanan penggunaan modul. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memberikan fokus pada proses kesahan isi kandungan modul yang dilakukan dengan mengikuti langkah-langkah berdasarkan Ahmad (2008). Untuk memastikan kesahan ke atas isi kandungan modul ini, pandangan enam orang pakar yang memiliki latar belakang yang sesuai dengan objektif dan matlamat modul telah diambil. Hasil penilaian pakar menunjukkan bahawa modul tersebut mencapai skor kesahan isi kandungan sebanyak 76%, iaitu melebihi 70% yang dikira sebagai nilai kesahan isi kandungan yang tinggi. Ini bermaksud bahawa modul ini merupakan modul yang baik dan bersesuaian untuk mencapai objektif serta matlamat seperti yang ingin disasarkan iaitu meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak serta

kecerdasan spiritual. Adalah diharapkan agar modul ini kelak dapat memberikan kesan positif dalam meningkatkan kualiti kehidupan individu yang telah berkahwin di Malaysia. Sekaligus, boleh dijadikan sebagai panduan kepada profesion-profesional menolong dalam mengendalikan isu-isu yang melibatkan rumah tangga yang umum diketahui amat kompleks sifatnya.

Kata kunci: Modul, Terapi Ringkas Berfokuskan Penyelesaian (SFBT), Proses Kesahan, Perkahwinan.

***Abstract:** This article examines the validation process of the Solution-Focused Brief Therapy (SFBT) Treatment Module designed to enhance communication skills, coping strategies, and spiritual intelligence among married individuals. The development of the module follows the Sidek Model, which encompasses two main phases: (i) the preparation of the module draft, and (ii) the pilot study, validity and reliability testing, and evaluation of the module's effectiveness. This paper specifically focuses on the content validation process, which was conducted based on the methodology outlined by Ahmad (2008). To ensure the module's content validity, the perspectives of six experts, whose backgrounds align with the module's goals, were sought. The results of the expert evaluations indicated a content validity score of 76%, which exceeds the 70% threshold, signifying a high level of validity. This suggests that the module is well-suited to achieve its intended objectives of improving communication skills, coping strategies, and spiritual intelligence among married individuals. The module is expected to positively impact the quality of life for married couples in Malaysia and may also serve as a valuable resource for professionals addressing complex marital issues.*

Keywords: *Solution-Focused Brief Therapy (SFBT), Validation Process, Modules, Marriage*

PENGENALAN

Terdapat banyak kebaikan serta manfaat penggunaan modul dalam kehidupan. Menurut Ahmad (2008), modul boleh digunakan untuk membantu seseorang untuk memperolehi ilmu pengetahuan, pemahaman dan kemahiran ke arah mempertingkatkan prestasi akademik serta sahsiah diri. Sama halnya dengan tujuan pembinaan modul ini. Modul ini dibina khusus untuk membantu individu yang telah berkahwin untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak serta kecerdasan spiritual. Modul ini sekaligus diharapkan dapat membantu meningkatkan keupayaan mereka yang telah berkahwin

dalam menangani liku-liku atau cabaran-cabaran dalam kehidupan berumahtangga.

Umum mengetahui tentang kepentingan institusi keluarga sebagai asas atau titik permulaan bagi membentuk segala bentuk peradaban bangsa baik dalam aspek sosial, psikologi, jasmani dan spiritual (Meraj, 2018). Walau bagaimanapun, keadaan pada masa kini amatlah membimbangkan yang mana dapat disaksikan peningkatan kes-kes perceraian saban tahun. Senario ini bukan sahaja berlaku di Malaysia (Muhammud, 2020) tetapi di seluruh pelusuk dunia (Sheykhi, 2020). Keadaan ini tidak seharusnya dibiarkan berterusan tanpa sebarang tindakan wajar apatah lagi jika memikirkan tentang kesan-kesan negatif yang terhasil dari keretakan rumah tangga ini (Kitson & Morgan, 1990; Rahmat et al., 2019).

Walaupun perceraian kadangkala diperlukan untuk kesejahteraan individu, tetapi ianya pasti akan memberi kesan negatif yang berpanjangan kepada orang dewasa dan kanak-kanak. Kesan-kesan negatif dari aspek emosi, kewangan, sosial masih menghantui walaupun beberapa tahun selepas perceraian. Kesemua ini tentunya akan menjejaskan kesihatan mental dan fizikal, hubungan sosial serta kepuasan hidup secara menyeluruh. Sistem sokongan, termasuk terapi dan rangkaian sokongan sosial, boleh membantu mengurangkan kesan-kesan ini. Walau bagaimanapun, memandangkan kesan perceraian adalah kompleks maka ianya tentu memerlukan perhatian dan usaha yang berterusan (Amato, 2010; Garrison, 2019; Bargain & Fougere, 2020).

Oleh yang demikian, atas kesedaran tentang pentingnya institusi keluarga sebagai asas utama dalam membentuk peradaban negara bangsa yang mapan (Meraj, 2018). Maka banyak pihak yang mengambil tanggungjawab untuk membuat kajian ke atas isu ini. Terdapat kajian yang memberi fokus pada punca dan faktor-faktor yang membawa kepada perceraian (Amato, 2010), sebahagian memilih untuk mengupas tentang kesan-kesan dan akibat perceraian dari pelbagai aspek seperti kesihatan, kesejahteraan, sosial dan sebagainya (Amato, 2000; Rahmat et al., 2019).

TINJAUAN LITERATUR

Selain dari itu, berdasarkan dapatan-dapatan kajian lepas juga telah mendapati tentang kepentingan komunikasi, strategi daya tindak dan kerohanian dalam mengukuhkan perhubungan perkahwinan. Menurut Blacard et al., (2009),

kemahiran komunikasi perkahwinan mempunyai korelasi positif dengan kepuasan perkahwinan. Ianya dianggap sebagai antara faktor paling utama kepada pasangan berkahwin yang bahagia. Selain itu, terdapat juga banyak kajian yang menyatakan tentang kepentingan kemahiran strategi daya tindak dalam sebuah perkahwinan (Banarjee & Basu, 2014). Ini kerana sebuah perkahwinan ibarat ranjau yang dipenuhi dengan onak dan duri serta ujian yang datang silih berganti bak ombak dan badai. Dengan tanggungjawab yang besar bagi memastikan segala aspek dalam kehidupan berumahtangga berada dalam keadaan yang baik dan terkawal maka mempunyai keupayaan strategi daya tindak yang baik adalah sangat vital. Meningkatkan keupayaan strategi daya tindak akan dapat mengukuhkan keupayaan pasangan untuk bangkit semula terutama dalam menghadapi saat-saat sukar serta memupuk kestabilan dalam perhubungan.

Selain dari itu, kajian-kajian ke atas aspek spiritual yang semakin mendapat tumpuan kebelakangan ini juga mendapati kepentingannya di dalam sebuah perkahwinan. Kerangka spiritual dan moral secara umumnya dapat membantu pasangan mengemudi cabaran-cabaran dalam perkahwinan secara bersama. Sekaligus menyediakan arah serta memberikan makna dan tujuan jelas bagi sebuah perkahwinan. Elemen spiritual juga didapati sangat berperanan dalam memberikan rasa selesa serta kepunyaan yang sangat membantu terutamanya dalam menghadapi saat-saat sukar. Ini terutamanya dari aspek penegasan ke atas sikap memaafkan serta menerima kelebihan serta kekurangan masing-masing. Berbekalkan perkara-perkara ini ianya dapat membantu pasangan melupakan konflik di masa lalu dan bergerak ke hadapan secara bersama (Robert & Wills, 2013; Pargament & Cummings, 2010).

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian lepas ini, maka modul yang dibina ini telah mengintergrasi elemen-elemen kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual untuk ditingkatkan dalam kalangan individu yang telah berumahtangga. Perkara ini akan diolah dengan menggunakan terapi ringkas berfokuskan masalah (SFBT) sebagai landasan teori utama. Ini bermaksud, segala konsep-konsep asas serta teknik-teknik yang ada di dalam teori ini akan dijadikan panduan dalam membentuk modul ini. Antaranya, adalah dengan memberikan fokus terhadap pencarian solusi dengan mengaplikasikan dan berpegang dengan konsep SFBT seperti berikut:-

1. Jika tiada masalah, jangan dibaiki
2. Jika berjaya, lakukan selalu
3. Jika tidak berjaya, lakukan yang lain

Selain dari pegangan konsep di atas, modul ini juga akan menerapkan teknik-teknik utama yang ada dalam pendekatan SFBT iaitu Soalan Ajaib (*Miracle Question*), Pengukuran (*Scalling*) dan Pengecualian (*Exception*). Kesemua ini diambil kira dalam membentuk modul ini agar apa pun yang berlaku di dalam rumantangga, pasangan akan terus fokus pada pencarian solusi melalui kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual yang lebih baik.

Pemilihan terapi ringkas berfokuskan masalah (SFBT) sebagai teori landasan bagi modul ini juga adalah atas beberapa justifikasi yang relevan dengan isu rumah tangga. Menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh Kim et al.,(2019) mendapati bahawa pasangan yang menerima rawatan SFBT menunjukkan peningkatan signifikan di dalam kepuasan perkahwinan mereka berbanding dengan pasangan di dalam kelompok kawalan. Selain itu, kajian meta-analisis yang telah dijalankan oleh Gingerich dan Peterson (2013) mendapati SFBT dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah dalam pasangan dengan lebih efektif. Penambahbaikan ini penting untuk menyelesaikan konflik dan mengekalkan hubungan yang sihat dalam sebuah perkahwinan.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Gingerich dan Eisengart (2000) menunjukkan intervensi SFBT membawa kepada pengurangan terhadap tekanan dan konflik rumahtangga. Pasangan berkahwin melaporkan kurangnya interaksi negatif dan memperbaiki kemahiran komunikasi selepas mengikuti terapi SFBT. Menurut Murphy (2015), SFBT juga telah dikenalpasti mempunyai kecekapan dan keberkesanan untuk mencapai matlamat terapeutik dalam masa yang singkat. Ini merupakan satu kelebihan bagi mana-mana pasangan yang ingin mencapai peningkatan dalam perhubungan perkahwinan mereka dalam masa yang wajar. Kajian menunjukkan tahap kepuasan klien yang tinggi dengan intervensi SFBT

dalam terapi perkahwinan. Klien yang mengikuti intervensi ini menghargai tumpuan praktikal pada pencarian solusi dan sifat kolaboratif dalam proses terapi, yang memberi kuasa kepada pasangan berkahwin untuk mengambil bahagian secara aktif dalam meningkatkan hubungan mereka (Jonidi et al., 2021).

Walau bagaimanapun, untuk memastikan bahawa tujuan murni sesuatu modul itu akan tercapai maka modul yang akan digunakan perlu memenuhi standard piawaian tertentu. Menurut Sidek dan Jamaluddin (2005) di dalam Model Sidek, satu modul yang baik itu perlulah melalui dua fasa. Fasa pertama adalah fasa penyediaan draf modul. Terdapat sembilan langkah di dalam fasa ini yang banyak memberikan tumpuan terhadap pemilihan isi kandungan modul agar sesuai dengan objektif yang ingin dicapai. Fasa kedua akan melibatkan tiga langkah iaitu pengendalian kajian rintis, proses kesahan dan kebolehpercayaan serta proses penilaian keberkesanan penggunaan modul. Pada fasa kedua ini lah satu modul itu akan melalui proses penilaian kesahan isi kandungan samada akan melepasi piawaian lulus dan bersedia untuk digunakan atau sebaliknya. Oleh yang demikian, di dalam penulisan artikel ini, tumpuan hanya akan diberikan terhadap fasa kedua iaitu pada proses kesahan isi kandungan modul yang telah dilalui dalam pembinaan modul ini.

Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah bagi proses kesahan isi kandungan modul ini untuk memastikan bahawa modul yang dihasilkan telah lulus dalam memenuhi keperluan kesemua standard piawaian penilaian seperti yang telah digariskan oleh Ahmad (2008). Dengan memenuhi peratusan lulus yang telah ditetapkan menunjukkan bahawa modul tersebut telah bersedia untuk digunakan terhadap golongan sasaran dan mampu untuk mencapai objektif serta matlamat yang telah ditetapkan. Untuk makluman, modul ini disasarkan kepada golongan individu yang telah berkahwin untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual dalam membantu mereka menguruskan kehidupan berumahtangga dengan lebih baik.

Syarat Kesahan Isi Kandungan Modul Rawatan

Proses kesahan isi kandungan modul ini telah dilaksanakan berdasarkan panduan yang telah digariskan oleh Ahmad (2008) yang telah diolah dari pandangan Russel (1974). Panduan ini telah menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan satu proses kesahan modul dari segi pengertian, penentuan, pentaksiran, kegunaan, syarat-syarat, kaedah memantapkan, kaedah membina soal selidik kesahan isi kandungan modul, contoh soal selidik dan kaedah pengiraan bagi menentukan kesahan isi kandungannya.

Menurut Russel (1974) seperti yang dijelaskan dan di olah oleh Ahmad (2008), sesuatu modul itu mempunyai kesahan apabila memenuhi lima syarat kesahan seperti yang berikut:

1. Modul Perlu Menepati Sasaran Populasi

Memandangkan tujuan utama modul ini dibina adalah bagi membantu meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak serta kecerdasan spiritual dalam kalangan mereka yang telah berumahtangga maka golongan sasaran tentunya adalah dalam kalangan mereka yang telah berumahtangga. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ciri-ciri terperinci lain yang telah digariskan. Antaranya adalah untuk melibatkan dalam kalangan individu yang usia perkahwinan mereka adalah di bawah sepuluh tahun, mereka yang sedang mengalami isu dalam rumahtangga serta mereka yang dapat memberikan komitmen yang baik untuk mengikuti modul ini. Ciri-ciri yang ditentukan mempunyai justifikasi tersendiri untuk diambil kira. Sebagai contoh keperluan untuk melibatkan individu yang usia perkahwinan di bawah sepuluh tahun kerana menurut dapatan kajian di Malaysia perceraian yang berlaku banyak melibatkan usia perkahwinan sepuluh tahun dan ke bawah (Rahman et al., 2014; Shukry & Zakaria, 2019).

Kemudian, justifikasi untuk melibatkan mereka yang sedang mengalami isu atau pergolakan dalam rumahtangga tentunya amat penting agar tujuan utama pembinaan modul ini kelak akan benar-benar dapat mengukur apa yang seharusnya diukur. Sebagaimana halnya dalam pembinaan modul ini adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual. Maka dengan melibatkan individu yang telah mengalami masalah dalam rumahtangga kita dapat membuat perbandingan samada terdapat sebarang bentuk perubahan positif yang signifikan pada golongan sasaran ini sebelum dan selepas mengikuti modul dalam aspek-aspek tersebut.

Untuk memastikan ciri-ciri ini dipenuhi maka dalam modul ini, golongan sasaran ini boleh diperolehi dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di bahagian Nikah, Rujuk dan Cerai kerana kebanyakan mereka yang mengalami masalah rumahtangga akan dirujuk atau datang di bahagian ini. Secara tidak langsung, mendapatkan golongan sasaran di bahagian ini merupakan tapisan awal untuk mengetahui bahawa mereka telah berkahwin dan datang ke bahagian ini kerana mempunyai masalah dalam rumahtangga samada kes dirujuk atau pun datang secara sukarela.

2. Situasi atau Kaedah Pelaksanaan Modul adalah Memuaskan

Modul yang telah siap dibina seharusnya boleh dikendalikan dalam keadaan yang baik dan cukup memuaskan. Ini lebih bermaksud bahawa golongan sasaran boleh memahami serta mengikuti isi kandungan modul dengan mudah yang mana arahan-arahan bagi setiap aktiviti yang terkandung di dalam modul adalah jelas. Perkara ini juga mengambil kira suasana persekitaran di mana modul tersebut akan dilaksanakan. Adalah baik untuk memastikan tempat pengendalian modul jauh dari sebarang gangguan iaitu kondusif bagi menjamin keselesaan kepada golongan sasaran untuk mengikuti modul. Selain dari itu, bahan-bahan yang digunakan haruslah bersesuaian, tersedia, terkendali, mencukupi, lengkap serta menarik. Tambahan lain yang amat penting adalah pengendali modul harus mahir dan cekap. Kesemua ini harus di ambil kira dalam pembinaan modul dan tentunya kesemua perkara ini akan dinilai dalam proses kesahan isi kandungan modul ini.

Dalam pelaksanaan isi kandungan modul ini, ianya akan dikendalikan oleh pembina modul sendiri yang merupakan seorang kaunselor berdaftar dengan perakuan peramalan. Pembina modul adalah merupakan seorang bekas kaunselor di sekolah dan kini bertugas sebagai pensyarah kaunseling. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam menjalankan sesi kelompok dengan pelbagai latar belakang klien termasuk golongan mereka yang telah berkahwin. Selain dari itu, pembina modul mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Psikologi), Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling dan Diploma Lanjutan Kaunseling Penyalahgunaan Dadah. Ada dinyatakan juga di dalam modul bahawa kaunselor lain yang akan terlibat dalam mengaplikasikan modul ini akan diberikan proses *Training Over Trainer* (TOT). Ini bermaksud bahawa para kaunselor yang dilibatkan akan diberikan

latihan untuk memahami isi kandungan modul serta tata cara pengaplikasian modul tersebut. Selain dari pelaksanaan proses *Training Over Trainer* (TOT), para kaunselor yang terlibat juga perlu mempunyai kelulusan akademik paling minima adalah diperingkat Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling dan merupakan kaunselor berdaftar dengan perakuan peramalan dari Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).

3. Masa Yang Diambil Untuk Menghabiskan Modul Adalah Mencukupi

Modul yang dibina seharusnya memperuntukkan masa yang mencukupi bagi membolehkan golongan sasaran menyiapkan sebarang aktiviti yang terkandung di dalam modul. Mengambil kira akan hal ini, maka dalam pembinaan modul ini selain dari memilih aktiviti yang sesuai dengan objektif serta matlamat modul, faktor kesesuaian masa juga telah diambil kira dan ditentukan agar setiap aktiviti akan dapat dilaksanakan oleh golongan sasaran dengan jayanya. Apa yang pasti, setiap aktiviti telah diberikan anggaran peruntukan masa tertentu agar kesemua aktiviti di dalam setiap sesi dalam modul dapat diselesaikan dalam jangka masa yang telah ditetapkan iaitu di antara satu jam setengah sehingga dua jam dalam satu sesi.

4. Modul Berjaya Meningkatkan Atau Memperbaiki Kemahiran Yang Disasarkan

Modul yang baik dibina bagi mendatangkan impak yang baik kepada golongan sasaran. Seperti dalam pembinaan modul ini, tujuan utama atau impak yang diinginkan adalah bagi membantu meningkatkan atau memperbaiki kemahiran komunikasi, strategi daya tindak serta kecerdasan spiritual dalam kalangan mereka yang telah berkahwin. Perkara ini hanya dapat dibuktikan melalui pengendalian kajian eksperimen melalui kaedah ujian pra dan pasca bagi melihat perubahan skor min yang diperolehi melalui perbandingan skor ketika ujian pra dan pasca yang diperolehi oleh golongan sasaran yang dipanggil sebagai responden jika telah terlibat dalam proses ujian tersebut. Didalam proses pembinaan modul ini, selain dari melalui proses kesahan isi kandungan modul dari para pakar dalam bidang berkaitan yang akan diberikan tumpuan dalam penulisan artikel ini, keberkesananannya tentulah akan dinilai melalui kaedah eksperimen.

5. Modul Berjaya Mengubah Sikap Golongan Sasaran Ke Arah Lebih Baik

Modul yang telah siap dibina seharusnya juga berjaya membawa sebarang perubahan yang baik atau positif. Hal ini dapat dilihat setelah golongan sasaran tersebut yang telah tamat mengikuti modul dan para pengendali modul dapat mengesan perubahan sikap, cara, tindakan, corak pemikiran, perspektif dan sebagainya ke arah yang lebih baik dan positif. Sebagai contoh, setelah mengikuti modul, mereka menyatakan merasa lebih bersemangat serta yakin untuk terus memperbaiki pendekatan mereka dalam mengendalikan isu dalam rumahtangga. Perubahan ini juga boleh dilihat dari pengakuan secara lisan dari golongan sasaran yang terlibat dengan pernyataan seperti berlakunya perubahan positif dalam diri, pasangan mahupun rumahtangga mereka secara umumnya.

Berdasarkan lima perkara di atas seperti yang telah digariskan oleh Rusell (1974), Ahmad (2008) telah mencipta satu soal selidik untuk menguji kesahan isi kandungan sesuatu modul yang mana akan dijadikan panduan utama dalam melaksanakan proses kesahan isi kandungan dalam modul ini. Lagipun, menurut Mohd Majid Konting (2004) menyatakan bahawa untuk menentukan kesahan isi kandungan sesuatu modul, antara kaedah yang boleh digunakan ialah dengan meminta pandangan pakar. Melalui kaedah ini, ianya dapat mengumpul data yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Sesuatu modul dikatakan mempunyai kesahan isi kandungan yang tinggi sekiranya ia dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan. Pandangan ini selaras dengan Sidek(1997) yang menyatakan bahawa objektif utama kesahan isi kandungan modul adalah untuk memastikan item-item yang terkandung di dalam modul tersebut mewakili bidang atau matlamat yang sepatutnya diukur atau dicapai. Oleh yang demikian, penilaian dari pakar yang mempunyai latar belakang yang bersesuaian dengan objektif serta matlamat sesuatu modul itu perlulah diambil kira. Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut, maka modul ini akan melibatkan beberapa panel yang mempunyai latarbelakang akademik yang relevan bagi melaksanakan tugas penilaian kesahan isi kandungan modul ini.

Proses Kesahan Isi Kandungan Modul

1. Pemilihan Pakar/Personel

Di dalam proses kesahan isi kandungan modul ini, seramai sepuluh personel yang bersesuaian telah dipilih dan dihubungi. Kesemua personel yang dipilih dan terlibat adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai latar belakang yang sesuai dengan modul yang dihasilkan. Latar belakang ini mengambil kira kesesuaian mereka dengan tajuk, objektif, topik, isu, pembolehubah-pembolehubah yang terlibat serta kaedah metodologi yang akan dilalui dalam tujuan pembinaan modul ini serta latar belakang akademik dan pekerjaan mereka.

Oleh yang demikian, kebanyakan dari mereka yang telah terpilih merupakan para pensyarah dari beberapa universiti dalam Malaysia yang mengajar dalam bidang kaunseling, berpengalaman dalam menghasilkan modul rawatan kelompok samada kaunseling, intervensi mahupun bimbingan. Selain itu, pembina modul juga memastikan sebahagian mereka mempunyai latarbelakang yang sama atau hampir dengan isu yang cuba disasarkan dalam modul ini. Justeru itu ada daripada personel ini pernah menghasilkan modul berkaitan dengan isu rumahtangga dan perkahwinan. Walau bagaimanapun, dari kesemua sepuluh personel yang dihubungi, hanya enam yang memberikan maklumbalas dan bersetuju untuk menjadi panel penilai bagi modul yang telah dibina. Jadual di bawah merupakan senarai para panel yang terlibat dan sedikit latarbelakang akademik dan bidang kepakaran mereka.

Jadual 1: Senarai Panel Penilai Modul

Panel	Jawatan/Alamat	Latar Belakang/Kepakaran
Panel 1	Pensyarah Kanan Program Kaunseling Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.	• Memiliki Ijazah Doktor Falsafah Kaunseling (USM) • Pakar dalam bidang kaunseling (remaja) dan psikologi.
Panel 2	Pensyarah Kanan Program Kaunseling Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.	• Memiliki Ijazah Doktor Falsafah Psikologi (Kaunseling) • Pakar dalam bidang kaunseling, Pembinaan Modul Kemarahan dalam Kalangan Banduan berdasarkan teori CBT dan Psikologi.

Panel 3	Pensyarah Kanan Program Kaunseling Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.	• Memiliki Ijazah Doktor Falsafah Psikologi (Kaunseling) • Pakar dalam bidang kaunseling (Industri), Psikologi dan Pembinaan Modul Pengurusan Stress dalam Kalangan Penjawat Awam berdasarkan teori CBT.
Panel 4	Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.	• Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (<i>Counsellor Education</i>), Southern Illinois, USA. • Pakar dalam bidang kesihatan mental, orang dewasa dan orang tua, pembinaan kaunseling multibudaya dan kelompok kerja, kaunseling koreksional, perbezaan gender dan budaya, penilaian dan pengukuran dalam kaunseling.
Panel 5	Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.	• Memiliki Ijazah Doktor Falsafah Psikologi (Kaunseling Organisasi), Universiti Utara Malaysia. • Pakar dalam bidang kaunseling sukan, kaunseling komuniti dan Pembangunan kerjaya.
Panel 6	Pensyarah Kanan Kaunseling, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.	• Memiliki Ijazah Doktor Falsafah Psikologi (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Putra Malaysia. • Pakar dalam bidang Psiko-spiritual perkahwinan dan Pendidikan kaunseling.

Proses kesahan isi kandungan sesuatu modul adalah baik jika melibatkan kepelbagaian kepakaran bagi mengelak sebarang bentuk berat sebelah dan memastikan pandangan yang lebih seimbang. Kajian yang dijalankan oleh Thomas et al., (2023) mendapati bahawa melibatkan pandangan pakar dari tiga sehingga lima orang adalah optimal bagi memastikan objektif sesuatu perkara serta meminimalkan sebarang bentuk berat sebelah. Seterusnya, menurut Ahmad (2008) juga menyatakan bahawa adalah memadai untuk melibatkan tiga orang untuk membantu dalam melaksanakan proses kesahan isi kandungan modul. Manakala, menurut pandangan Jusoh et al., (2011) serta Zakaria dan Ishak (2016) menyatakan bahawa untuk memilih bilangan panel di dalam proses kesahan isi kandungan modul adalah di antara enam ke sembilan orang. Oleh yang demikian, di dalam proses penilaian isi kandungan modul ini, ianya telah melibatkan seramai enam orang penilai. Jumlah yang memadai untuk memberikan input yang pelbagai dan menyeluruh.

Selain dari itu, menurut Smith et.al., (2023), memilih para pakar dalam menilai kesahan isi kandungan sesuatu modul dalam bidang kaunseling adalah amat perlu bagi memastikan standard praktis yang tinggi, memastikan keselamatan klien yang terlibat serta menyuburkan dapatan pembelajaran yang efektif. Isi kandungan perlulah jelas, beretika, relevan dengan budaya, serta bahan-bahan yang digunakan dapat dibuktikan secara saintifik. Para pakar dapat memastikan bahawa isi kandungan modul tersebut adalah refleksi terhadap amalan kontemporari, memenuhi keperluan standard profesionalisme, serta mendokong perkembangan kepada kaunselor dan juga kesejahteraan klien. Sekaligus pemilihan pakar yang tepat dalam menilai kesahan isi kandungan sesuatu modul yang ingin diketengahkan secara tidak langsung adalah sebagai benteng pelindung dalam menjaga kualiti perkhidmatan kaunseling (Thomson et al., 2021).

2. Cara Pembinaan Borang Soal-Selidik Untuk Proses Kesahan

Isi Kandungan Modul

Di samping itu, satu set soal selidik telah dibina bagi di isi oleh pihak panel penilai semasa proses penilaian kesahan isi kandungan modul ini. Pembinaan set soal selidik kepada para panel penilai ini dibina berpandukan apa yang digariskan oleh Ahmad (2008) berdasarkan pandangan Russel (1974) seperti yang telah diterangkan dalam perenggan sebelum ini iaitu ianya perlu mempunyai lima syarat kesahan seperti berikut:-

- a) Modul perlu menepati sasaran populasi
- b) Situasi atau kaedah pelaksanaan modul adalah memuaskan
- c) Masa yang diambil untuk menghabiskan modul adalah mencukupi
- d) Modul berjaya meningkatkan atau memperbaiki kemahiran yang disasarkan
- e) Modul berjaya mengubah sikap golongan sasaran ke arah lebih baik

Berlandaskan lima syarat kesahan di atas maka satu set soal selidik telah dibina. Kelima-lima syarat kesahan ini telah diambil sebagai panduan utama di samping disesuaikan dengan objektif serta matlamat yang ingin dicapai oleh modul ini. Jadual 2 di bawah menunjukkan bagaimana item soal selidik dibina berdasarkan lima syarat kesahan tersebut.

Jadual 2: Cara Pembinaan Item Dalam Soal-Selidik

Bil	Syarat Kesahan	Item Yang Dibina
1.	Modul perlu menepati sasaran populasi	Kandungan modul ini bersesuaian dengan kelompok sasaran iaitu individu yang telah berumahtangga
2.	Situasi atau kaedah pelaksanaan modul adalah memuaskan	Kaedah pelaksanaan kandungan modul adalah jelas, terperinci dan mudah untuk dikendalikan
3.	Masa yang diambil untuk menghabiskan modul adalah mencukupi	Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan iaitu dalam durasi 1 1/2 jam ke 2 jam sepanjang 6 sesi.
4.	Modul berjaya meningkatkan atau memperbaiki kemahiran yang disasarkan	Kandungan modul ini bersesuaian untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual
5.	Modul berjaya mengubah sikap golongan sasaran ke arah lebih baik	Tugasan dan aktiviti yang disediakan menarik dan bersesuaian dan mampu mencapai matlamat pelaksanaan modul.

Selain dari item yang telah dibina berdasarkan lima syarat kesahan tersebut, di dalam borang soal selidik tersebut juga ditambahkan dengan dua lagi item lain yang disesuaikan dengan matlamat dan objektif modul iaitu:-

Item 7: Kandungan modul bertepatan dengan pendekatan yang digunakan iaitu SFBT sebagai teori kaunseling yang mendasari modul ini

Item 8: Kandungan modul juga bersesuaian dan selaras di antara teori utama iaitu SFBT bersama dengan teori-teori lain yang mendasari kemahiran yang ingin diperbaiki iaitu teori *five love languages*, *dyadic coping* dan teori kecerdasan spiritual Robert Emmons.

Kemudian untuk memberikan ruang bagi pihak panel untuk memberikan komen tambahan berupa pandangan atau cadangan maka di dalam borang tersebut juga telah disediakan ruangan untuk tujuan ini. Tidak dilupakan beberapa maklumat demografi panel agar mudah dirujuk. Secara keseluruhan, jadual 3 di bawah menunjukkan sampel borang soal selidik yang telah digunakan didalam proses kesahan isi kandungan dalam modul ini.

Jadual 3: Borang Penilaian Kesahan Isi Kandungan Modul

BORANG PENILAIAN KESAHAN KANDUNGAN MODUL

NAMA PENILAI : _____

JAWATAN : _____

ORGANISASI : _____

SOAL SELIDIK KESAHAN KANDUNGAN MODUL (diubahsuai daripada Jamaludin Ahmad, 2008).

ARAHAN

Berikut adalah beberapa pernyataan berkaitan dengan modul yang Prof/Dr/Tuan/Puan nilai. Setelah meneliti modul tersebut, sila bulatkan jawapan anda berdasarkan skala berikut:

- 1 - Sangat Tidak Bersetuju
- 2 - Tidak Bersetuju
- 3 - Tidak Pasti
- 4 - Setuju
- 5 - Sangat Setuju

Bil	Pernyataan	Pilihan				
1	Kandungan modul ini bersesuaian dengan kelompok sasaran iaitu individu yang telah berumah tangga.	1	2	3	4	5
2	Kaedah pelaksanaan kandungan modul adalah jelas, terperinci dan mudah untuk dikendalikan.	1	2	3	4	5
3	Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan iaitu dalam durasi 1 1/2 jam ke 2 jam sepanjang 6 sesi.	1	2	3	4	5
4	Kandungan modul ini bersesuaian untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual.	1	2	3	4	5
5	Tugasan dan aktiviti yang disediakan menarik dan bersesuaian dan mampu mencapai matlamat pelaksanaan modul.	1	2	3	4	5
6	Kandungan modul bertepatan dengan pendekatan yang digunakan iaitu SFBT sebagai teori kaunseling yang mendasari modul ini	1	2	3	4	5
7	Kandungan modul juga bersesuaian dan selaras di antara teori utama iaitu SFBT bersama dengan teori-teori lain yang mendasari kemahiran yang ingin diperbaiki iaitu teori <i>five love languages</i> , <i>dyadic coping</i> dan teori kecerdasan spiritual Robert Emmons.	1	2	3	4	5

Pandangan dan komen penambahbaikan:

Pengesahan Penilai

Tarikh:

(Tandatangan)

Cop Jawatan:

3. Kesahan Isi Kandungan Modul Oleh Panel/Pakar

Setelah mendapat persetujuan dari para panel penilai, pembina modul telah menyediakan salinan modul yang telah lengkap dengan latar belakang modul, objektif serta matlamat terhadap penghasilan modul tersebut. Selain itu, bagi membantu kefahaman yang lebih jitu terhadap kesemua proses kesahan isi kandungan modul ini, para panel juga diberikan penerangan kaedah methodologi yang akan digunakan dalam proses penilaian keberkesanan modul ini kelak. Kemudian, bersama-sama dengan salinan lengkap modul tersebut, disertakan bersama set soal selidik seperti yang telah dibina di atas untuk di isi oleh para panel. Panel diberikan masa selama dua minggu bagi melengkapkan proses ini. Setelah dua minggu, pembina modul akan datang untuk berjumpa dengan panel untuk mengutip semula borang soal-selidik sekali gus membuat perbincangan terutama jika pembina modul tidak faham atas sebarang komen penambahbaikan yang telah diberikan. Setelah mengutip kesemua borang soal selidik tersebut, kiraan skor akan dilaksanakan yang akan diterangkan dengan terperinci seperti di bawah.

4. Cara Pengiraan Skor Kesahan Isi Kandungan Modul

Menurut Ahmad (2008), aras penguasaan atau skor pencapaian sebanyak 70% dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Oleh yang demikian, apabila para pakar telah membuat penilaian berdasarkan soal-selidik tersebut, maka skor akan dikira berdasarkan formula berikut: -

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Skor Maksimum Mengikut Skala (25)}} \times 100$$

$$= \text{Keputusan Kesahan Isi Kandungan Modul}$$

Jumlah skor yang diberikan oleh pakar melalui skala likert akan dijumlahkan sebagai (x) dan skor ini akan dibahagikan dengan skor maksimum skala likert iaitu 25 (5 skala x 5 syarat kesahan iaitu item dalam soal selidik) dan kemudiannya didarabkan dengan seratus.

Berdasarkan panduan pengiraan skor berdasarkan formula seperti di atas, berikut merupakan formula yang telah digunakan di dalam proses kesahan isi kandungan modul ini mengikut kesesuaian borang soal selidik yang telah dibina. Dalam formula ini, jumlah skor yang diberikan oleh panel melalui skala likert ke atas tujuh item akan dijumlahkan sebagai (x) dan skor ini akan dibahagikan dengan skor maksimum skala likert iaitu 35 . Jumlah 35 ini diperolehi berdasarkan skala likert tertinggi iaitu 5 didarabkan dengan tujuh item di dalam soal-selidik tersebut.

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Skor Maksimum (35)}} \times 100$$

$$= \text{Keputusan Kesahan Isi Kandungan Modul}$$

Berdasarkan formula pengiraan di atas, Jadual 4 di bawah merupakan keseluruhan pandangan serta skor yang telah diberikan oleh para pakar yang telah terlibat didalam proses penilaian isi kandungan modul ini.

Jadual 4: Ringkasan Markah Panel dan Komen Penambahbaikan

Panel Penilai	Skor	Komen
Pakar 1	97%	- Memerlukan deskripsi lebih terperinci terhadap aktiviti-aktiviti dalam modul dan boleh dibuat dalam bentuk rajah. - Lebih baik semua lampiran disertakan disetiap sesi dalam modul tersebut.
Pakar 2	63%	- Modul ini baik tetapi perlu penambahbaikan dari aspek berikut:- - pastikan isi kandungan memenuhi elemen-elemen di dalam kaunseling kelompok dan bukan lebih menjurus ke Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

- ii) Elemen-elemen *Solution-Focused Brief Therapy (SFBT)* masih belum begitu jelas dalam modul.
- iii) Perlu lakukan proses penstrukturan pada awal sesi untuk semua ahli dalam kelompok.

Pakar 3	66%	• Perlu berikan fokus terhadap kesemua pembolehubah dalam kajian ini agar modul ini dapat mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan. Pastikan kesemua aktiviti adalah tepat dan bersesuaian untuk benar-benar membantu memperbaiki kemahiran yang diharapkan. Oleh yang demikian adalah baik sekiranya lebih banyak sesi diberikan bagi mencapai tujuan ini dan bukan sekadar satu sesi untuk satu kemahiran. • Proses kaunseling itu perlu lebih diperincikan lagi agar pengaplikasiannya adalah mengikut satu piawaian (standard) yang sama oleh semua kaunselor untuk mengelakkan sebarang bentuk berat sebelah. • Adalah baik untuk menambah soalan proses (<i>Process questions</i>) pada setiap sesi bagi memastikan sesi dapat dijalankan dengan lancar sekaligus menjamin keseragaman dan mengawal sebarang insiden luar jangka. • Perlu mengambil kira sebarang gangguan luar (<i>extraneous variables</i>) yang boleh wujud dan cuba untuk mengambil sebarang tindakan bagi mengawal dari berlakunya perkara ini. Sebagai contoh, perbezaan latar belakang kaunselor yang terlibat, tahap kompetensi, personaliti dan sebagainya. • Elemen untuk memperbaiki komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual masih belum begitu jelas. Adakah cukup untuk memperbaiki setiap kemahiran dengan satu sesi? Oleh yang demikian, adalah baik jika satu kemahiran melibatkan beberapa sesi. • Jadikan sesi pertama hanya fokus pada penstrukturan dan proses membina hubungan. Sesi terakhir difokuskan hanya untuk membuat refleksi dan penilaian bagi mengelakkan sebarang urusan yang tidak selesai (<i>unfinished business</i>).
Pakar 4	77%	• Perlu mengambil kira kesesuaian setiap aktiviti di dalam modul dengan faktor umur bagi responden atau ahli kelompok yang akan terlibat menyertai modul ini. Sebagai contoh, adakah aktiviti dalam modul ini bersesuaian dengan mereka yang berumur 60 tahun?
Pakar 5	77%	• Perlu terangkan dengan lebih terperinci antara aspek teori dan praktikal (aplikasi teori secara praktikal dalam aktiviti yang terdapat dalam modul ini)
Pakar 6	77%	• Hanya perlu menguatkan elemen spiritual dalam modul ini.
Total	457	

Kesemua komen yang diberikan dalam jadual 4 di atas adalah diambil sebagaimana yang telah ditulis di dalam borang soal selidik yang telah diberikan kepada semua para panel penilai untuk diisi. Kemudian, skor dari setiap panel akan dipuratakan untuk mengira skor keseluruhan berdasarkan formula pengiraan berikut:-

Contoh Pengiraan :

$$\frac{\text{Jumlah Skor Keseluruhan Dari Pakar (457)}}{\text{Bilangan Pakar Yang Menilai (6 orang)}} \times 100 = 76\%$$

Setelah melalui proses penilaian kesahan isi kandungan maka skor dari keseluruhan enam panel pakar untuk modul ini adalah 76%. Oleh yang demikian, modul ini telah mencapai lebih dari 70% yang bermaksud bahawa modul ini mempunyai kesahan isi kandungan yang tinggi. Dalam erti kata lain, modul ini adalah modul yang baik dan sesuai untuk digunakan bagi mencapai objektif serta tujuan sebagaimana yang disasarkan.

Melalui skor serta komen penambahbaikan ke atas isi kandungan modul, pembina modul telah membawa kesemua pandangan ini untuk dibincangkan bersama dengan penyelia akademik yang bertanggungjawab memantau sepanjang proses pembinaan modul ini. Perbincangan ini dilaksanakan bagi memperhalusi lagi isi kandungan modul ini agar menjadi lebih baik dan efisien. Hasil dari perbincangan tersebut berikut merupakan ringkasan modul yang telah dibaiki seperti jadual 5 di bawah:-

Jadual 5: Ringkasan Modul SFBT Dalam Meningkatkan Kemahiran Komunikasi, Strategi Daya Tindak dan Kecerdasan Spiritual Dalam Kalangan Individu Berkahwin

Sesi/Masa	Tema	Aktiviti/Lampiran
Prasesi 2 Jam	Pengenalan	Lampiran A-Surat jemputan menghadiri sesi Lampiran B-Maklumat diri klien Lampiran C-Borang persetujuan termaklum Lampiran D-Soal-selidik Pra-Ujian

Sesi 1 2 Jam	Penstrukturan sesi Bina hubungan Matlamat dalam sesi	Lampiran E -Tak Kenal Maka Tak Cinta Lampiran F- Apa Yang Aku Harapkan?
Sesi 2 2 Jam	Matlamat dalam Perkahwinan	Lampiran G-Kenapa Saya Berkahwin? Lampiran H-Anda Boleh Sebenarnya! Lampiran I- Mahligai Impianku
Sesi 3 2 Jam	Bahasa Cinta	Lampiran J-‘Telur oh telur’ Lampiran K- “ <i>Don’t love me Like you do but love me like I do</i> ” Lampiran L-Nota Bahasa Cinta Lampiran M- “ <i>Don’t love me like you do but love me like I do</i> ” (Versi Pasangan)
Sesi 4 2 Jam	Strategi Daya Tindak	Lampiran N-‘Cara Ku Belum Tentu Cara Mu’ Lampiran O-Fokus Masalah V/S Fokus Solusi Lampiran P-Cara SFBT! Lampiran Q-Praktis SFBT!
Sesi 5 2 Jam	Kecerdasan Spiritual	Lampiran R-‘Hidup Oh Hidup!’ Lampiran S-‘Syukur Dan Sabar’
Sesi 6 2 Jam	Penamatan Refleksi	Lampiran T- Kertas Nota Cinta Lampiran U-‘Sehingga Ke Syurga’ Lampiran V-Soal-selidik Pasca-Ujian

PERBINCANGAN

Di Malaysia terutamanya di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, belum ada modul khusus yang digunakan bagi membantu golongan individu berkahwin yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Hanya terdapat modul rumahtangga yang isi kandungannya lebih bersifat memberikan maklumat atau tips rumahtangga sahaja. Selain itu, didapati bahawa kebanyakan mereka yang bertugas memberikan perkhidmatan kaunseling adalah dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai latar belakang akademik tentang kaunseling. Malahan, kebanyakan pegawai yang bertugas mempunyai kelulusan akademik dalam bidang agama seperti undang-undang syariah, pengajian ilmu wahyu dan sebagainya (Nor et al., 2017).

Oleh yang demikian, pembinaan modul ini adalah satu usaha yang baik untuk dijadikan sebagai panduan untuk digunakan bagi menangani isu-isu yang dihadapi dalam rumahtangga. Apatah lagi modul ini mengajarkan para individu yang telah berkahwin secara praktikal dengan kemahiran-kemahiran yang terbukti penting dalam mengemudi bahtera perkahwinan. Ianya bukan setakat maklumat atau tips semata-mata. Berbekalkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak serta kecerdasan spiritual yang lebih baik, kita mengharap agar individu-individu yang telah berkahwin berupaya untuk mengekalkan keharmonian rumahtangga mereka.

Adalah diharapkan juga agar pembinaan modul ini akan menjadi pencetus langkah-langkah awal agar lebih ramai pihak yang berwajib dan berkenaan akan mengambil usaha yang sewajarnya dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia. Tentunya dapatan-dapatan dari penggunaan modul ini kelak akan dinilai dari masa ke semasa untuk melihat keberkesanannya secara berterusan seiring dengan proses penambahbaikan. Menyentuh tentang kepastian ke atas keberkesanan modul ini, saya bercadang untuk melaporkan lebih terperinci berkenaan dengan perkara ini pada penulisan artikel lain. Terutamanya pada laporan kajian rintis yang telah dilaksanakan mengikut kaedah eksperimen. Melalui kaedah eksperimen tentunya kita akan dapat menilai samada benar terdapat peningkatan ke atas ketiga-tiga aspek yang ingin diperbaiki berdasarkan skor responden pada fasa sebelum dan selepas mengikuti rawatan menggunakan modul ini.

Sebagaimana rumitnya untuk mengendalikan segala isu di dalam rumahtangga maka tentunya terdapat banyak aspek lain lagi yang boleh diteroka. Ibarat jika cara 'A' tidak sesuai maka kita masih boleh menggunakan cara 'B'. Tetapi jika 'cara-cara' ini pun kita masih tidak ada maka jelas menunjukkan bahawa masih terlalu jauh tindakan kita dalam menangani isu-isu rumahtangga ini. Maka apa yang jauh lebih penting adalah bagi semua pihak untuk bersama-sama mengembeleng tenaga untuk mula melakukan sesuatu.

PENUTUP

Oleh yang demikian, pembinaan modul ini adalah sebagai satu langkah kecil dalam usaha untuk memperkasakan institusi kekeluargaan di Malaysia yang perlu dilakukan secara berterusan. Diharapkan akan ada lebih banyak modul-modul perkahwinan dibina sebagai usaha berterusan untuk memastikan

institusi keluarga di Malaysia terus utuh bagi mendepani cabaran global. Adalah diharapkan agar modul ini dapat memberikan impak positif kepada pihak-pihak yang berkenaan terutamanya dalam membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia.

Semoga akan ada lebih banyak usaha-usaha pembinaan modul dalam membantu menyelesaikan pelbagai isu yang melanda negara. Sebagaimana dalam pembinaan modul ini yang ingin membantu meningkatkan kemahiran komunikasi, strategi daya tindak dan kecerdasan spiritual dalam kalangan mereka yang telah berkahwin. Semoga dengan adanya modul ini, ianya mempelbagaikan panduan dalam bentuk tindakan bagi membantu pihak-pihak berkenaan menggunakannya dalam memberikan kemahiran-kemahiran yang penting dan diperlukan dalam menjalani serta mendepani liku-liku serta onak duri dalam kehidupan berumahtangga. Semoga institusi kekeluargaan di Malaysia akan terus mapan untuk melahirkan sebuah negara yang stabil dari aspek fizikal, jasmani mahupun rohani yang pastinya akan menyumbang dalam membina tamadun bangsa yang disegani dimata dunia.

Pernyataan Persetujuan Termaklum

Pembina modul akur serta maklum berkenaan dengan kepentingan untuk mendapatkan persetujuan termaklum dari para responden atau peserta yang akan terlibat di dalam mengikuti modul yang telah dibina ini kelak. Lagipun, di dalam satu proses pengendalian kaunseling kelompok juga perkara ini merupakan antara perkara yang perlu dilaksanakan dalam proses penstrukturan. Oleh yang demikian, ianya telah dimasukkan ke dalam modul iaitu pada pra-sesi.

Pertembungan Kepentingan

Penulis di sini ingin membuat perakuan bahawa tidak berlaku sebarang pertembungan kepentingan sepanjang melaksanakan proses kesahan isi kandungan modul ini. Penulis tidak mendapat kepentingan kewangan seperti bayaran honorarium, geran penyelidikan dan sebagainya.

Pernyataan Etika

Selain dari mendapatkan persetujuan termaklum dari kesemua peserta atau responden yang akan terlibat dalam pengendalian modul ini kelak, proses pembinaan modul ini juga telah melalui segala proses dan prosedur yang seharusnya mengikut Model Sidek (Sidek & Jamaluddin, 2005). Ini termasuk proses kesahan isi kandungan modul yang mempunyai langkah-langkah terperinci bagi memastikan modul yang dibina memenuhi piawaian sewajarnya sebelum boleh digunapakai seperti yang digariskan menurut Jamaludin (2008). Langkah ini secara tidak langsung adalah untuk menjaga etika di dalam proses menolong agar modul ini kelak tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Sumbangan Penulis

Norlizah Matshah telah melaksanakan proses kesahan isi kandungan modul yang ditulis dalam artikel ini dengan berpandukan segala langkah-langkah seperti yang digariskan oleh Jamaluddin (2008). Manakala penulis kedua dan ketiga membantu memastikan bahawa sepanjang proses pengesahan isi kandungan ini dilaksanakan adalah mengikut langkah dan prosedur yang betul. Selain itu Profesor Dr.NoorAzniza Ishak dan Dr.Siti Rozaina Kamsani memberikan buah pandangan ke atas komen dan maklumbalas yang diberikan oleh para panel bagi proses penambahbaikan isi kandungan modul. Selain itu, mereka juga memberikan kritikan membina, sumbangan idea penambahbaikan dan memastikan penulisan artikel ini memenuhi keperluan akademik dan nilai intelek.

Pembiayaan

Proses kesahan isi kandungan modul dalam penghasilan artikel ini tidak mendapat tajaan dari mana-mana pihak.

Penghargaan

Ucapan jutaan terima kasih kepada kedua-dua penulis yang bersama sepanjang proses kesahan isi kandungan modul serta penulisan artikel ini yang sangat membantu dalam memantau serta memberikan maklumbalas, komen serta kritikan yang sangat membina.

RUJUKAN

Ahmad, J. H. (2008). *Modul & pengendalian bimbingan kelompok*. Universiti Putra Malaysia.

- Amato, P. R. (2010). Research on divorce: Continuing trends and new developments. *Journal of Marriage and Family*, 72(3), 650-666.
- Amato, P. R. (2000). The consequences of divorce for adults and children. *Journal of marriage and family*, 62(4), 1269-1287.
- Banerjee, S., & Basu, J. (2014). Personality factors, attachment styles and coping strategies in couples with good and poor marital quality. *Psychological Studies*, 59, 59-67.
- Bargain, O., & Fougère, D. (2020). The impact of divorce on physical health: Evidence from a natural experiment. *Journal of Health Economics*, 71, 102-109.
- Blanchard, V. L., Hawkins, A. J., Baldwin, S. A., & Fawcett, E. B. (2009). Investigating the effects of marriage and relationship education on couples' communication skills: a meta-analytic study. *Journal of family psychology*, 23(2), 203.
- Garrison, A. (2019). The economic effects of divorce on women and children. *Journal of Divorce & Remarriage*, 60(3), 192-211.
- Gingerich, W. J., & Peterson, L. T. (2013). Effectiveness of solution-focused brief therapy: A systematic qualitative review of controlled outcome studies. *Research on Social Work Practice*, 23(3), 266-283.
- Gingerich, W. J., & Eisengart, S. (2000). Solution-focused brief therapy: A review of the outcome research. *Family process*, 39(4), 477-498.
- Jonidi, G. S., Zandi, A., & Kayvan, S. (2021). The Effectiveness of Solution Focused Couple Therapy in Improving Marital Satisfaction and Adjustment of Couples. *Journal of Assessment and Research in Applied Counseling (JARAC)*, 3(2), 38-49.
- Jusoh, A. J., Mohamad, Z., Rahman, A. M. A., Bistamam, M. N., Arip, M. A.S. M., & Jusoff, K. (2011). Construction, Reliability And Validity Of Choice Theory And Reality Therapy (CTRT) Group In Malaysian Problematic Students. *International Journal of Arts & Sciences*, 4(23), 391.
- Kim, J., Jordan, S. S., Franklin, C., & Froerer, A. (2019). Is solution-focused brief therapy evidence-based? An update 10 years later. *Families in Society*, 100(2), 127-138.
- Kitson, G. C., & Morgan, L. A. (1990). The Multiple Consequences of Divorce: A Decade Review. *Journal of Marriage and the Family*, 52(4), 913.

- Meraj, M. A. (2018). The importance of marriage in Islam. *International Journal of Research Granthaalayah* 6 (11) pp, 1-6.
- Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammud, F. S. (2020). The Fast Track Project: The First Step Towards Improving Divorce Cases in Shariah Court, Malaysia. *e-Academia Journal*, 9(1).
- Murphy, J. J. (2015). Solution-Focused Approaches. *Counseling and Psychotherapy with Children and Adolescents: Theory and Practice for School and Clinical Settings*, Fifth Edition, 279-316.
- Nor, A. M., Karim, D. N. F. M., & Ahmad, N. (2017). From nasty to healthy divorce: A marriage and family therapy model for working effectively with divorcing Malay-Muslim couples. *MOJPC: Malaysia Online Journal of Psychology & Counselling*, 1(1).
- Pargament, K. I., & Cummings, J. (2010). Spirituality as a Meaning-Making Framework: Theory, Research, and Practice. In K. I. Pargament (Ed.), *The Psychology of Religion and Coping: Theory, Research, Practice* (pp. 49-66). Guilford Press.
- Rahman, A. S. A., Kusrin, Z. M., & Omar, A. F. (2014). Divorce Factor at the Syariah Court in Mukah, Sarawak from Year 2000 to 2010. *Islamiyyat*, 36(1).
- Rahmat, N. E., Aziz, N. A., & Hassan, R. A. (2019). i-Guide Divorce: An Easy-To-Use Application Software For Non-Muslim Divorce Cases In Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 8, 42-46
- Roberts, K. J., & Wills, R. (2013). Spirituality and Marriage: Implications for Couples Counseling. *The American Journal of Family Therapy*, 41(5), 375-388. Doi:10.1080/01926187.2013.795436
- Russell, J. D. (1974). *Modular Instruction: A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*.
- Sheykhi, M. T. (2020). Worldwide increasing divorce rates: A sociological analysis. *Konfrontasi: Jurnal Kultural, Ekonomi Dan Perubahan Sosial*, 7(2), 116-123.
- Shukry, A. N. A. M., & Zakaria, S. M. (2019). Konflik, Penyesuaian Hidup dan Kualiti Perkahwinan pada Awal Usia Perkahwinan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-16.

- Sidek Mohd. Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul. Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sidek Mohd Noah (1997). *Modul penilaian dalam kaunseling*. Serdang: Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak jauh (IDEAL) , Universiti Putera Malaysia.
- Smith, L. A., Johnson, D., & Williams, J. T. (2023). Culturally responsive counseling in contemporary practice: Implications for curriculum design. *Journal of Counseling & Development*, 101(1), 50-62.
- Thomas, L. P., Fitzgerald, J., & O'Neill, P. (2023). The critical role of expert validation in suicide prevention training for counselors. *Journal of Mental Health Counseling*, 45(1), 1-15.
- Thompson, C., Adams, R., & Fisher, P. (2021). Accreditation in counseling education: The role of expert validation in curriculum design. *Counselor Education and Supervision*, 60(4), 271-283.
- Zakaria, H., & Ishak, N. A. (2016). Reality therapy group counseling approach on metacognitive awareness in mathematics. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 21(3), 117-121.